

TABSYIR DALAM PERSPEKTIF AL-QUR'AN

ZIKMAL FUAD
ABDUL JALIL

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Kajian tentang kaedah dakwah perlu untuk dikaji, kerana kaedah yang sesuai dengan masyarakat menentukan kejayaan dakwah. Kajian ini akan mengkaji kaedah tafsir dalam perspektif al-Quran. Pemilihan terhadap kajian ini untuk dianalisa dan melihat kepada kepentingan dakwah dalam konteks dakwah masa kini. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji definisi tafsir, maksud tafsir serta implikasinya terhadap dakwah. Mengenalpasti klasifikasi ayat-ayat yang berkaitan dengan kata tafsir. Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kajian kepustakaan. Hasil daripada kajian ini mendapati kepelbagaian makna tafsir dalam al-Quran. Dapatan kajian seterusnya menunjukkan tafsir merupakan salah satu kaedah dakwah yang tetap relevan untuk digunakan, serta klasifikasi ayat-ayat yang berkaitan kata tafsir dalam al-Quran. Kajian ini diharapkan dapat menjadi garis panduan untuk dikembangkan sehingga dakwah hadir dalam format yang multidimensi.

Kata Kunci: *Tafsir, al-Quran.*

1.0 PENDAHULUAN

Dakwah merupakan satu kewajipan bagi setiap individu muslim yang beriman kepada Allah SWT dan kepada hari kiamat. Dakwah disampaikan berdasarkan dengan kemampuan dan kesanggupan yang dimiliki oleh setiap muslim.

Allah SWT telah memberikan petunjuk di dalam al-Quran, sama ada secara tersurat mahupun tersirat. Oleh itu, seorang pengkaji sepatutnya mampu mencari dan memahami isyarat-isyarat yang terkandung di dalam al-Quran, serta memahami kehendak Allah SWT dalam rangkaian firman-firmanNya.

Kertas kerja ini mencuba mengantarkan perbincangan kepada salah satu term metodologi dakwah, iaitu *tafsir*. Meskipun secara literalnya kata tersebut tidak dijumpai dalam al-Quran, namun banyak ayat yang menunjukkan pengertian ke arah tersebut. Kajian ini akan dimulai dengan definisi dan maksud *tafsir* serta klasifikasi ayat-ayat yang berkaitan dengan kata *tafsir* di dalam al-Quran.

2.0 TABSYIR DALAM TINJAUAN ETIMOLOGI

Kata *tabisyir* merupakan *masdar* (kata benda -بَشْرٌ -بَشِيرٌ bererti memberi berita menggembirakan, menyenangkan atau *tabliigh al-busyra* (Atabik 1996: 398).¹ Firman Allah SWT:

وَبَشِّرِ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ كُلَّمَا رُزِقُوا مِنْهَا مِنْ ثَمَرَةٍ رَزَقُوا قَالُوا هَذَا الَّذِي رَزَقْنَا مِنْ قَبْلُ وَأَنُوتُوا بِهِ مُتَشَبِهًا وَلَهُمْ فِيهَا أَزْوَاجٌ مُطَهَّرَةٌ وَهُمْ فِيهَا خَالِدُونَ.

Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang beriman dan beramal soleh, sesungguhnya mereka beroleh syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; tiap-tiap kali mereka diberikan satu pemberian dari sejenis buah-buahan syurga itu, mereka berkata: "Inilah yang telah diberikan kepada kami dahulu"; dan mereka diberikan rezeki itu yang sama rupanya (tetapi berlainan hakikatnya), dan disediakan untuk mereka dalam syurga itu pasangan-pasangan, isteri-isteri yang sentiasa bersih suci, sedang mereka pula kekal di dalamnya selama-lamanya (al-Baqarah 2: 25).

Tabisyir juga digunakan untuk berita tidak menyenangkan, apabila kata tersebut bersifat *muqayyadah*, yang mengandungi makna *tahdid*, celaan Allah AWT (Ibnu Mandzur t.th:126).² Firman Allah SWT:

إِنَّ الَّذِينَ يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ النَّبِيَّ بِغَيْرِ حَقٍّ وَيَقْتُلُونَ الَّذِينَ يَأْمُرُونَ بِالْقِسْطِ مِنَ النَّاسِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ.

Sesungguhnya orang-orang yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah dan membunuh nabi-nabi dengan jalan yang tidak benar, serta membunuh orang-orang yang menyeru manusia supaya berlaku adil maka sampaikanlah berita yang menggembirakan mereka, dengan azab seksa yang tidak terperi sakitnya (Ali-Imran 3: 21).

Dengan demikian kata *tabisyir* secara lafaz bererti pemberian khabar, tetapi pada segi lain menyiratkan kualiti berita iaitu baik dan buruk, kerana secara bahasa kata *بَشْرٌ* seperti yang dimaksudkan sangat dekat dengan sisi kemanusiaan.

Apabila merujuk kepada pengertian yang lain, maka akar kata *بَشْرٌ* juga bermakna ciptaan, makhluk, bergaul, berhubungan, memberi khabar (secara umum). Namun dua pemaknaan di atas sangat berkait dengan pengistilahan dakwah.

¹Lihat contoh yang lain pada surah *al-Dzariyat* (51) 28, *al-Shaffat* (37) 101, 112, *Ali Imran* (3) 39 *al-Zumar* (39) 17, *al-Baqarah* (2) 155, 223.

²Lihat contoh yang lain pada surah *Luqman* (31) 7, *al-Jatsiyah* (45) 7, *al-Taubah* (9) 4, 35, *al-Insyiqaq* (84) 24, *al-Nisa'* (4) 138.

Kata *بشر* biasanya dirangkaikan dengan kata *نذر* (*tabsyir dan tandzir*). Sehingga apabila salah satu kata tersebut disebutkan secara berasingan, maka setiap kata mengandung pengertian umum iaitu pemberian khabar (berita). Tetapi jika disebutkan bersamaan maka masing-masing kata mempunyai makna tersendiri, *tabsyir* bermaksud baik (balasan berupa pahala, nikmat) sedang *tandzir* bererti ancaman (Abdurrahman Dahlan 998: 74).

3.0 TEKS TABSYIR DALAM AL-QURAN

Akar kata *بشر* dengan segala bentuk perubahannya dapat diketahui dalam jadual sebagai berikut (*Fath al-Rahman Li-Thaalib Ayat al-Quran* 1991).

NO	SURAH	MAKKI MADANI	NO SURAH	NO AYAT	TAKRIR
1	Al-Baqarah	Madaniyah	2	25, 97, 119, 155, 187, 287, 213, 223, 233	9
2	Ali-Imran	Madaniyah	3	21, 39, 45, 47, 79, 126, 591, 170, 171	9
3	Al-Nisa'	Madaniyah	4	138, 165	2
4	Al-Ma'idah	Madaniyah	5	18, 19, 19	3
5	Al-An'am	Makkiyah	6	48, 91	2
6	Al-A'raf	Makkiyah	7	57, 188	2
7	Al-Anfal	Madaniyah	8	10	1
8	At- Taubah	Madaniyah	9	3, 21, 34, 111, 112, 124	6
9	Yunus	Makkiyah	10	2,64, 87	3
10	Hud	Makkiyah	11	2, 27, 69, 71, 74	5
11	Yusuf	Makkiyah	12	19, 31, 96	3
12	Ibrahim	Makkiyah	14	10, 11	2
13	Al-Hijr	Makkiyah	15	28, 33, 53, 54, 54, 55, 67	7
14	Al-Nahl	Makkiyah	16	58, 59, 89, 102, 103	5
15	Al-Isra'	Makkiyah	17	9, 93, 94, 105	4
16	Al-Kahfi	Makkiyah	18	2, 56, 110	3
17	Maryam	Makkiyah	19	1, 17, 20, 26, 29, 97	6
18	Al-Anbiya'	Makkiyah	21	3, 34	2
19	Al-Hajj	Madaniyah	22	34, 37	2
20	Al-Mu'minun	Makkiyah	23	24, 33, 34, 47	4
21	Al-Furqan	Makkiyah	25	22, 48, 54, 56	4
22	Al-Syu'ara	Makkiyah	26	154, 186	2
23	Al-Naml	Makkiyah	27	2, 63	2
24	Al-Ankabut	Makkiyah	29	31	1
25	Al-Rum	Makkiyah	30	20, 46, 48	3
26	Luqman	Makkiyah	31	7	1

27	Al-Ahzab	Madaniyah	33	45,47	2
28	Saba'	Makkiyah	34	28	1
29	Faathir	Makkiyah	35	24	1
30	Yaasin	Makkiyah	36	11,15	2
31	Al-Shaffat	Makkiyah	37	10, 112	2
32	Al-Shaad	Makkiyah	38	71	1
33	Al-Zumar	Makkiyah	39	17, 17, 45	3
34	Fusilat	Makkiyah	41	4, 6	2
35	Al-Syura	Makkiyah	42	23, 38, 51	3
36	Al-Zukhruf	Makkiyah	43	17	1
37	Al-Jattsiyah	Makkiyah	45	8	1
38	Al-Ahqaf	Makkiyah	46	12	1
39	Al-Fath	Madaniyah	48	8	1
40	Al-Dzariyat	Makkiyah	51	28	1
41	Al-Qamar	Makkiyah	54	24	1
42	Al-Hadid	Madaniyah	57	12	1
43	Al-Saff	Makkiyah	61	6, 13	2
44	Al-Taghabun	Madaniyah	64	6	1
45	Al-Mudasir	Makkiyah	74	25, 29, 31, 36	4
46	Abasa	Makkiyah	80	39	1
47	Al-Insyiqaq	Makkiyah	84	24	1
Jumlah				127	127

Makna kata بَشْرٌ dengan segala perubahan bentuk katanya, menunjukkan keumuman makna بَشْرٌ tersebut serta sulitnya untuk mendalami dakwah yang spesifik. Oleh itu, ayat-ayat dalam jadual di atas diperincikan lagi guna menemukan ayat-ayat yang mempunyai kaitan yang kuat dengan dakwah iaitu dalam bentuk بشيرا (isim fa'il).

NO	SURAH	MAKKI MADANI	NO SURAH	NO AYAT	TAKRIR
1	Al-Baqarah	Madaniyah	2	119	1
2	Saba'	Makkiyah	34	28	1
3	Faathir	Makkiyah	35	24	1
4	Fusilat	Makkiyah	41	4	1
Jumlah				4	4

Demikian pula dalam bentuk isim fa'il yang marfu' (بشير), persebarannya dapat dilihat dalam jadual berikut:

NO	SURAH	MAKKI MADANI	NO SURAH	NO AYAT	TAKRIR
1	Al-Ma'idah	Madaniyah	5	19, 19	2
2	Al-A'raf	Makkiyah	7	188	1
3	Hud	Makkiyah	11	2	1
4	Yusuf	Makkiyah	12	96	1
Jumlah				5	5

Bentuk lain kata *tabsyir* yang mengandungi isyarat dakwah berupa: *يستبشرون - تبشرون*
يستبشرون أيشري تموني dapat dilihat dalam jadual berikut:

NO	SURAH	MAKKI MADANI	NO SURAH	NO AYAT	TAKRIR
1	Ali-Imran	Madaniyah	3	170, 171	2
2	Al-Taubah	Madaniyah	9	124	1
3	Al-Hijr	Makkiyah	15	54, 54, 67	3
4	Al-Rum	Makkiyah	30	48	1
5	Al-Zumar	Makkiyah	39	45	1
Jumlah				8	8

4.0 RASULULLAH SAW SEBAGAI PEMBERI KHABAR

Sebagai utusan Allah SWT, Rasulullah SAW mempunyai tugas memberi tahu syari'ah atau ajaran Islam kepada umatnya. Hal ini dapat dilihat dalam jadual kedua dan ketiga. Secara jelas ayat berikut menggambarkan hal demikian:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَّةً لِّلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ.

Dan tiadalah Kami mengutusmu (wahai Muhammad) melainkan untuk umat manusia seluruhnya, sebagai Rasul pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman), dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar); akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (hakikat itu) (Saba' 34: 28).³

Ayat ini menunjukkan posisi Nabi Muhammad SAW sebagai utusan bagi seluruh umat bahkan kepada jin sekalipun. Ayat ini juga menunjukkan peranan Nabi Muhammad SAW sebagai penyampai khabar gembira berupa syurga bagi mereka yang taat dan ancaman neraka bagi yang derhaka (Ibnu Katsir: 517).

وَمَا تُرْسِلُ الْمُرْسَلِينَ إِلَّا مَبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ طَفَمَنْ آمَنَ وَأَصْلَحَ فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ.

³Dengan menggunakan *wazan fa'iil*, bandingkan dengan al-A'raf (7) 188, Hud (11) 2, Yusuf (12) 96, al-Maidah (3) 19, al-Baqarah (20) 119, Faatir (35) 24.

Dan tiadalah Kami utuskan rasul-rasul itu melainkan sebagai pembawa berita gembira dan pembawa amaran; kemudian sesiapa yang beramal soleh, maka tidak ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka tidak akan berdukacita (Al-An'am 48).⁴

Maksud ayat ini adalah rasul sebagai pemberi khabar gembira bagi hamba Allah SWT yang beriman dengan kebaikan. Keimanan tersebut adalah percaya dalam hati terhadap apa yang nabi sampaikan, mentaati serta mewujudkannya dalam amalan salih. Rasul SAW juga berperanan sebagai pemberi peringatan bagi berupa 'uqubat dan kemarahan Allah SWT bagi yang kafir (Ibn Katsir: 126)

Demikian pula peranan itu secara implisit dijalankan oleh para utusan Allah SWT seperti ayat berikut.

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ ۗ وَبَشِيرِ الصَّابِرِينَ .

Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar (Al-Baqarah 2: 155).⁵

5.0 TABSYIR DALAM KONTEKS SOSIAL

Kontekstualisasi *tabsyir* sebagai salah satu metode dakwah dapat dilihat dari objek ayat yang mengandungi kata tersebut dapat digolongkan sebagai berikut:

A. Golongan orang-orang yang beriman (*Al-Mukminun*).

1. Al-Baqarah 2: 25, orang yang beriman kepada Allah SWT dan RasulNya mendapat kegembiraan itu berupa surga dan bidadari.
2. Al-Baqarah 2: 233, bertema tentang perlakuan baik kepada isteri merupakan sifat orang mukmin.
3. Al-Taubah 9: 112, menunjukkan bahawa jihad merupakan *bai'* (jual beli) Allah SWT dan hambanya, hal ini sebagai tanda orang yang mengabdikan kepada Allah SWT, ber-*amar ma'ruf nahi mungkar*, sebagai diri orang mukmin.
4. Yunus 10: 87, menegakkan sembahyang sebagai tanda orang yang beriman.
5. Al-Kahfi 18: 2, menyatakan bahawa orang yang beriman dan beramal soleh akan mendapatkan balasan yang baik dari Allah SWT.

⁴Dengan menggunakan *wazan mufa'il*, bandingkan dengan surah al-Furqan (25) 57, An-Nisa (3) 165, al-Baqarah (2) 213, al-Kahfi (18) 56, al-Isra' (17) 105.

⁵Dengan menggunakan *wazan* yang sama (*fi'il amar*) lihat juga contohnya pada surah al-Zumar (39) 17, al-Baqarah (2) 25, 223, al-Taubah (9) 113, Yunus (10) 87, al-Ahzab (33) 47, al-Saf (61) 13 dan sebagainya. Boleh juga dibandingkan dengan surah al-Nisa (4) 138, al-Taubah (9) 4, Luqman (31) 7, Ali Imran (3) 21 dan sebagainya.

6. Al-Isra 17: 9, menceritakan bahawa Allah SWT menjanjikan dua pahala besar bagi mereka yang beriman dan beramal soleh.
7. Fussilat 41: 30, Allah SWT menjanjikan balasan surga bagi mereka yang berpegang teguh pada *tauhidullah*.

Dari tema-tema ayat di atas penerapan metode *tabisyir* kepada orang beriman adalah mudah kerana mereka sudah percaya, sehingga tanpa *tabisyir* pun mereka beriman, apalagi keimanan itu sudah mencapai tingkat yang tinggi. Pemberian khabar gembira akan semakin mengukuhkan keimanan mereka.

B. Golongan orang-orang yang sabar (*Al-Sabirun*)

Al-Baqarah 2: 155, pahala (berita gembira) bagi mereka yang bersabar atas semua cubaan dari Allah SWT dan mengucapkan “*Inna Lillahi Wa Inna Ilaih al-Raaji ’un*”

Penggunaan metode *tabisyir* bagi golongan ini adalah untuk membangkitkan rasa percaya diri, menguatkan keimanan agar tidak jatuh dari ujian yang ditimpakan kemudian meyakinkan bahawa Allah SWT tidak menjauhi mereka.

C. Golongan orang-orang Munafik (*Al-Munafiqun*)

1. Al-Nisa 4: 137, bertema tentang balasan bagi orang yang menjadikan orang munafik sebagai teman dan meninggalkan orang beriman. Orang munafik iaitu orang yang beriman, kemudian kafir, beriman, kafir dan bertambah kekafirannya.
2. Luqman 31: 7, bahawa orang yang apabila dibacakan ayat Allah SWT, mereka berpaling dan menyombongkan diri seolah menyumbat kedua telinga mereka. Mereka akan mendapat balasan yang pedih,

Tabisyir untuk golongan ini berupaya untuk memberi ancaman akan balasan Allah SWT terhadap *nifaq*. Metode ini disampaikan dengan tegas, tajam dan mengena tetapi persuasive (Achmad Mubarak 2000: 254). Firman Allah SWT:

أُولَٰئِكَ الَّذِينَ يَعْلَمُ اللَّهُ مَا فِي قُلُوبِهِمْ فَأَعْرِضْ عَنْهُمْ وَعِظْهُمْ وَقُلْ لَهُمْ فِي أَنفُسِهِمْ قَوْلًا بَلِيغًا.

Mereka itulah orang-orang yang diketahui oleh Allah akan apa yang ada dalam hati mereka, oleh itu berpalinglah engkau daripada mereka, dan nasihatilah mereka, serta katakanlah kepada mereka kata-kata yang boleh memberi kesan pada hati mereka (Surat al-Nisa 4: 63)

D. Golongan orang-orang kafir dan ingkar (*Al-kafirun*)

1. Al-Imran 3: 21, menunjukkan balasan yang sangat pedih bagi orang-orang yang mengingkari dan membunuh utusan Allah SWT.
2. Al-Insyiqaq 84: 24, azab pedih bagi mereka mendustakan ayat-ayat Allah SWT.

Tabsyir untuk golongan ini sebagai sanggahan secara rasional persuasive atau bijaksana terhadap keyakinan mereka. Sehingga mereka menerima *tabsyir* sebagai sesuatu yang haq.

PENUTUP

Tabsyir merupakan salah satu metode dakwah. Kesan metode *tabsyir* ini semakin terasa kerana sifat kabar gembira tersebut yang dekat dengan sisi kemanusiaan. Pendekatan metode ini lebih mudah mendekatkan proses pada tercapainya tujuan dakwah.

Secara siratan mahupun suratan, telaah ayat-ayat al-Quran menunjukkan bahawa penerapan metode *tabsyir* sangat situasional atau bergantung kepada keadaan. Sebagai seorang da'i dituntut untuk memahami dan mengetahui maksud firman-firman Allah SWT serta menguasai keadaan medan dakwah.

RUJUKAN

Al-Quran.

Achmad Mubarak 2000. *Solusi Krisis Keruhanian Manusia Modern, Jiwa dalam al-Quran*. Jakarta: Paramadina.

Atabik Ali Ahmad Zuchdi Muchdlor 1996. *Kamus Kontemporer*. Yogyakarta: Yayasan Ali Maksum, Kranyak.

Al-Hasany al-Maqdisy. t.th. *Fathurrahman li-thaalibi ayat al-Qur'an*. Jeddah: Al-Haramain. dan Compact Disc (CD). 1991. Al-qur'an al-Karim Versi 6.31. Malaysia: Syarikat Shakr.

Al-Sa'di 1998. *Al-Qawaa'id al-Hisan li Tafsir al-Qur'an*. Terjemahan oleh Abdurrahman Dahlan. Bandung: Mizan.

Ibnu Katsir, Imadudin Abu al-Fida' Isma'il. t.th: 517. *Tafsir Al-Qur'an al-Adzim*. Juz III. Beirut: Daar al-Jail.

Ibnu Mandzur t.th. *Lisaan al-Arab*. juzuk II. Daar al-Ma'arif.